



**MALAY**  
**ENGLISH**

# Telefon WAP

**BUKU PANDUAN PENGGUNA**

**MODEL : W3000**

Sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum menggunakan telefon anda. Simpan ia untuk rujukan pada masa hadapan.





# Telefon WAP

## **BUKU PANDUAN PENGGUNA**

### **MODEL: W3000**

Sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum menggunakan telefon anda. Simpan ia untuk rujukan pada masa hadapan.



**W3000 mempunyai gaya yang memberikan pengguna lebih keselesaan dan kemudahan.**



## Untuk Keselamatan Anda

Semua pemancar radio membawa risiko gangguan dengan barangan elektronik yang berdekatan.



Telefon-telefon GSM mestilah sentiasa dimatikan di dalam kapal terbang.



Jangan aktifkan berdekatan dengan stesen minyak, depo bahan bakar, loji kimia atau operasi peletupan.



Matikan semasa di hospital: alat perubatan elektronik, misalnya perentak jantung dan alat bantuan pendengaran boleh terjejas.



Sedikit gangguan mungkin menjejaskan TV, radio, PC, dan lain-lain.



Jangan pegang telefon di dalam tangan semasa memandu.



Jangan buka telefon atau bateri.



Simpan telefon di tempat selamat dari kanak-kanak kerana barang kecil menyebabkan bahaya.



Jangan sentuh pengecas dengan tangan basah.



Gunakan hanya bateri dan pengecas yang ditentukan kerana bateri dan pengecas lain boleh merosakkan telefon.

### Sila ambil perhatian:



Bateri yang tidak boleh digunakan harus dibuang menurut undang-undang yang berkenaan.



Gunakan hanya aksesori ASLI bagi mengelakkan kerosakan pada telefon anda.



Sesetengah khidmat di dalam buku panduan ini tidak disokong oleh semua rangkaian.

### Maklumat Penting

Panduan pengguna ini mengandungi maklumat penting mengenai penggunaan dan operasi telefon ini. Sila baca semua maklumat dengan teliti untuk prestasi optimum dan untuk mengelakkan sebarang kerosakan atau penyalahgunaan telefon ini. Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan secara nyata di dalam panduan pengguna ini boleh mentaksahkan waranti anda untuk alat ini.

# Contents

## Gambaran keseluruhan

<b>Aksesori</b> .....	<b>9</b>
<b>Bahagian Telefon</b> .....	<b>10</b>
• Bahagian Depan Telefon .....	10
• Bahagian Belakang Telefon .....	11
<b>Penerangan Kekunci</b> .....	<b>12</b>
• Kekunci Abjad Angka.....	13

## Maklumat Paparan

<b>Maklumat Paparan</b> .....	<b>14</b>
• Ikon-Ikon Pada Skrin .....	14

## Bermula

<b>Pemasangan</b> .....	<b>16</b>
• Menyisipkan Kad SIM .....	16
• Memasang Bateri.....	16
• Mengecas Bateri .....	17
• Memutuskan sambungan pengecas .....	17
• Arahan untuk menukar penutup berwarna depan .....	18
<b>Urutan Untuk Menghidupkan</b> .....	<b>19</b>
• Untuk bermula menggunakan telefon .....	19
• Untuk mematikan telefon .....	19
<b>Kod Akses</b> .....	<b>20</b>
• Kod PIN (4 hingga 8 angka) .....	20
• Kod PIN2 (4 hingga 8 angka) .....	20
• Kod PUK (4 hingga 8 angka) .....	20
• Kod PUK2 (4 hingga 8 angka) .....	20
• Kod sekuriti (4 hingga 8 angka) .....	20

## Mengakses Menu

<b>Buku telefon</b> .....	<b>21</b>
• Cari [Nama 1] .....	22
• Tambah baru [Nama 2] .....	23
• Dail cepat [Nama 3] .....	24
• Senarai suara [Nama 4].....	25
• Kump. pemanggil [Nama 5] .....	25

• Salin semua [Nama 6] .....	26
• Padam semua [Nama 7] .....	26
• Aturan [Nama 8] .....	27
• Maklumat [Nama 9] .....	28
<b>Pohon Menu .....</b>	<b>29</b>
<b>Mesej [Menu 1] .....</b>	<b>31</b>
• Tulis mesej [Menu 1-1] .....	31
• Peti masuk [Menu 1-2] .....	34
• Peti Keluar [Menu 1-3] .....	35
• Servis maklumat [Menu 1-4] .....	36
• Mesej suara [Menu 1-5] .....	37
• Kad nama [Menu 1-6] .....	38
• Templat [Menu 1-7] .....	38
• Aturan [Menu 1-8] .....	39
• Periksa memori [Menu 1-9] .....	39
<b>Daftar panggilan [Menu 2] .....</b>	<b>40</b>
• Panggilan terlepas [Menu 2-1] .....	40
• Panggilan masuk [Menu 2-2] .....	40
• Panggilan keluar [Menu 2-3] .....	40
• Padam panggilan terkini [Menu 2-4] .....	40
• Panggilan di caj [Menu 2-5] .....	41
<b>Profil [Menu 3] .....</b>	<b>44</b>
• Getaran shj [Menu 3-1] .....	44
• Senyap [Menu 3-2] .....	44
• Am [Menu 3-3] .....	45
• Kuat [Menu 3-4] .....	45
• Set kepala [Menu 3-5] .....	45
• Kereta [Menu 3-6] .....	45
<b>Aturan [Menu 4] .....</b>	<b>47</b>
• Jam loceng [Menu 4-1] .....	47
• Tarikh & masa [Menu 4-2] .....	48
• Aturan telefon [Menu 4-3] .....	49
• Aturanpanggilan [Menu 4-4] .....	50
• Aturan sekuriti [Menu 4-5] .....	52
• Aturan jaringan [Menu 4-6] .....	56
• Kembalikan aturan kilang [Menu 4-7] .....	56

<b>Alih panggilan [Menu 5]</b> .....	<b>57</b>
• Semua panggilan [Menu 5-1].....	57
• Jika sibuk [Menu 5-2].....	57
• Jika tak jawab [Menu 5-3] .....	57
• Jika tak sampai [Menu 5-4].....	57
• Semua panggilan [Menu 5-5].....	57
• Semua panggilan faks [Menu 5-6] .....	58
• Batal semua pe [Menu 5-7].....	76
<b>Penyelenggara [Menu 6]</b> .....	<b>59</b>
• Tambah baru [Menu 6-1] .....	59
• Lihat hari [Menu 6-2].....	60
• Lihat semua [Menu 6-3] .....	60
• Padam terakhir [Menu 6-4] .....	60
• Padam semua [Menu 6-5] .....	60
<b>Mainan &amp; Utiliti [Menu 7]</b> .....	<b>61</b>
• Permainan [Menu 7-1] .....	61
• Ubah unit [Menu 7-2] .....	62
• Kalkulator [Menu 7-3].....	62
• Masa dunia [Menu 7-4].....	63
<b>Internet [Menu 8]</b> .....	<b>64</b>
• Rumah [Menu 8-1] .....	64
• Penanda [Menu 8-2] .....	64
• Profil [Menu 8-3] .....	64
• Pergi ke URL [Menu 8-4] .....	66
• Aturan Cache [Menu 8-5] .....	67
• Kawalan puas [Menu 8-6].....	67
• Reset profil [Menu 8-7] .....	67
<b>Menu dalam talian</b> .....	<b>68</b>
<b><u>Additional Functions</u></b>	
<b>Bagaimana Menggunakan panggilan Data dan Faks</b> .....	<b>69</b>
• Menghantar Panggilan Data atau Faks .....	69
• Menerima Panggilan Data atau Faks .....	69
<b>Menu Dalam Panggilan</b> .....	<b>71</b>
• 1 SEMASA PANGGILAN.....	71
• 2 Panggilan Semua Pihak atau Menerima .....	73
<b>Penjagaan dan Penyelenggaraan</b> .....	<b>75</b>
<b>Data Teknikal</b> .....	<b>77</b>


Periksa bagi memastikan anda mempunyai semua bahagian yang ditunjukkan di bawah.



## <Aksesori Pilihan>




## Bahagian Depan Telefon



- |                       |                                |
|-----------------------|--------------------------------|
| 1 Cuping Telinga      | 7 Kekunci Kanan Lembut         |
| 2 Skrin Paparan       | 8 Kekunci TAMAT/KUASA          |
| 3 Kekunci Kiri Lembut | 9 Kekunci Angka                |
| 4 Kekunci Pandu Arah  | 10 Kekunci Dwipangkah          |
| 5 Kekunci Hantar      | 11 Mikrofon                    |
| 6 Kekunci Bintang     | 12 Mikrofon Telinga Penyambung |






## Bahagian Belakang Telefon





- 1 Bateri
- 2 Penyambung Kabel/  
Pengecasan Bateri Penyambung/  
Kit Kereta Bebas Tangan Penyambung/
- 3 Terminal-Terminal Bateri
- 4 Soket Kad SIM
- 5 Lubang Tali Bimbit
- 6 Kunci Bateri
- 7 Mikrofon Telinga Penyambung

Berikut ditunjukkan komponen-komponen kekunci telefon.


## Penerangan Pad Kekunci

Kekunci	
	<p><b>Kekunci Kiri Lembut / Kekunci Kanan Lembut</b> Setiap daripada kekunci-kekunci ini melaksanakan fungsi yang ditunjukkan oleh teks pada paparan di atas kekunci tersebut.</p>
	<p><b>Kekunci Panas WAP</b> Digunakan untuk mentambung langsung kepada WAP dengan menekan kekunci ini. Digunakan untuk memadam aksara(-aksara).</p> <p><b>Kekunci-Kekunci Pandu Arah</b> Digunakan untuk menatal nama, nombor telefon, menu atau pilihan tetapan.</p>
	Digunakan untuk memasuki langsung menu <b>Messages</b> .
	Digunakan untuk menatal nama-nama, nombor-nombor telefon.
	<p><b>Kekunci Hantar</b> Anda boleh mendail nombor telefon dan menjawab panggilan. Jika anda menekan kekunci ini tanpa memasukkan nombor, telefon anda akan menunjukkan nombor yang paling terbaru didail.</p>
	<p><b>Kekunci Angka</b> Kekunci-kekunci ini selalunya digunakan untuk mendail dalam mod tunggu sedia dan memasukkan nombor atau aksara dalam mod mengedit. Apabila anda menekan kekunci-kekunci ini untuk masa yang lama.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Digunakan untuk memanggil peti mel suara anda dengan .</li><li>• Digunakan untuk membuat panggilan antarabangsa dengan .</li><li>• Digunakan untuk memanggil Dail cepat dengan  hingga .</li></ul>
	Digunakan untuk memasukkan mod getar dengan menekan kekunci ini untuk masa yang lama.

Kekunci	
	Digunakan untuk memanggil melalui dail suara dengan menekan kekunci ini agak lama. Kekunci ini juga digunakan sebagai kekunci cangkuk mikrofon Telinga apabila menyambungkan mikrofon Telinga.
	<b>Kekunci TAMAT/KUASA</b> Digunakan untuk menamatkan atau menolak panggilan. Kekunci ini juga digunakan sebagai Kekunci Kuasa. Menekan dan menahan kekunci ini untuk beberapa saat.
















## Kekunci Abjad Angka

Hubungan pemetaan pad kekunci abjad dan angka disenaraikan seperti jadual berikut.

Kekunci	
	., ' ? ! - & 1
	A B C 2 Ä À Á Â Ã Æ Ç a b c ä à á â ã ç
	D E F 3 È É Ê Ë d e f è é ê ë
	G H I 4 Î Ï Ì Í g h i î ï í
	J K L 5 j k l
	M N O 6 Ö Õ Ö Ó Ø Ñ m n o ö õ ò ó ø ñ
	P Q R S 7 p q r s
	T U V 8 Ü Û Ü Ú t u v ü û ú
	W X Y Z 9 w x y z
	0 [Kekunci Ruang]

Skrin memaparkan beberapa ikon dan berikut diterangkan setiap satu ikon yang anda mungkin lihat pada telefon.


## Ikon-Ikon Pada Skrin

Ikon/Penunjuk	
	Memberitahu anda kekuatan isyarat rangkaian.
	Panggilan disambungkan.
	Talian 1/ 2 sedang digunakan untuk panggilan keluar – Jika anda melanggan Khidmat Dua Talian.
	Penggera telah ditetapkan dan sedang aktif.
	Memberitahu anda status bateri.
	Anda telah menerima satu mesej teks.
	Anda telah menerima satu mesej suara bergantung kepada langganan anda.
	Anda telah menerima satu E-mel.
	Anda boleh melihat jadual anda.
	Semua isyarat yang dapat didengar dimatikan.
	Menu Umum dalam profil.
	Menu Kuat dalam profil.
	Menu Perlahan dalam profil.
	Menu Alat dengar dalam profil.
	Menu Bebas tangan dalam profil.
	Anda boleh mengalihkan panggilan.

**Ikon-Ikon Menu Atas**

Ikon	
	Mesej
	Daftar panggil
	Profil
	Aturan
	Alih Panggilan
	Penyelenggara
	Mainan & Utiliti
	Internet
	CanalAmena

## ① Menyisipkan Kad SIM



Cari soket kad SIM di belakang telefon. Ikut langkah-langkah di bawah untuk memasang kad SIM.

1. Tanggalkan bateri jika ia terpasang.
2. Gelongsorkan kad SIM ke dalam lubang alur, di bawah pemegang-pemegang perak, dengan penyambung-penyambung emas menghadap bawah dan sudut terpotong di sebelah kanan.

### ● PERHATIAN

- Sebelum memasang pastikan bahawa telefon dimatikan dan tanggalkan bateri.
- Sentuhan logam kad SIM mudah rosak disebabkan tercalar. Beri perhatian khusus pada kad SIM apabila anda memegang dan memasang. Ikut arahan yang dibekalkan dengan kad SIM.

## ② Memasang Bateri




1. Letakkan bateri di belakang telefon.




2. Tolak ia sehingga anda mendengar bunyi klik.

### 3 Mengecas Bateri

Untuk menyambungkan penyesuai kembara kepada telefon, anda mestilah memasang bateri.



1. Masukkan satu hujung penyesuai kembara ke dalam bahagian bawah telefon.



2. Sambungkan hujung penyesuai kembara yang satu lagi kepada soket dinding AC. Gunakan hanya pengecas yang disertakan di dalam bungkusan.



#### ● Amaran

- Jangan paksa penyambung kerana ini boleh merosakkan telefon dan/atau penyesuai kembara.

### 4 Memutuskan sambungan pengecas



Putuskan sambungan penyesuai kembara dari telefon dengan menekan butang-butang tepinya.

### ● Notis


- Bateri yang diberi bersama telefon anda perlu dicas sepenuhnya sebelum menggunakannya.
- Jangan tanggalkan bateri atau kad SIM semasa pengecasan.
- Mengecas Bateri dipaparkan pada skrin selepas menyambungkan penyusui kembara. Hanya jika bateri benar-benar kosong, Lampu Penunjuk Panggilan akan bernyala tanpa memaparkan Mengecas Bateri.
- Palang-palang bergerak ikon bateri akan berhenti selepas pengecasan penuh.

### ⑤ Arahan untuk menukar penutup berwarna depan


Sebelum menukar penutup, sentiasa matikan kuasa dan putus sambungan telefon dari pengecas atau sebarang peranti lain.




1. Untuk menanggalkan penutup, tekan kancing mengunci penutup misalnya dengan sekeping duit syiling, Mula membuka penutup dari bahagian atasnya.




2. Untuk memasang semula penutup, pertama letakkan dan tutup kancing di bahagian bawah penutup ke dalam lubang yang sepadan pada telefon dan kemudian tutup dengan lembut seluruh




## ① Untuk bermula menggunakan telefon



1. Tekan dan tahan kekunci  sehingga anda mendengar satu nada.
2. Bergantung kepada tetapan **Kod PIN** anda boleh memasukkan Kod PIN tidak.
3. Jika telefon menyambung kepada rangkaian, nama rangkaian akan dipaparkan sejeurus kemudian.

## ② Untuk mematikan telefon

Dalam mod tunggu sedia, tekan dan tahan kekunci  sehingga anda mendengar satu nada.

Anda boleh menggunakan kod-kod akses yang diterangkan di dalam bahagian ini untuk mengelakkan penggunaan telefon anda tanpa izin. Kod-kod akses (kecuali kod PUK dan PUK2) boleh ditukar dengan menggunakan [Menu 4-5-6].

### **Kod PIN (4 hingga 8 angka)**

Kod PIN (Nombor Pengenalan Peribadi) melindungi kad SIM anda daripada digunakan tanpa izin. Kod PIN biasanya dibekalkan dengan kad SIM. Apabila permintaan **Kod PIN** ditetapkan ke **Boleh**, telefon anda akan meminta kod PIN setiap kali ia dihidupkan. Sebaliknya, apabila **Kod PIN** ditetapkan ke **Tak Boleh**, telefon anda akan menyambung langsung kepada rangkaian tanpa meminta kod PIN.

### **Kod PIN2 (4 hingga 8 angka)**

Kod PIN2, dibekalkan dengan sesetengah kad SIM, diperlukan bagi mengakses beberapa fungsi seperti Pemberitahuan caj panggilan, Nombor Dail tetap. Fungsi-fungsi ini hanya terdapat jika disokong oleh kad SIM anda.

### **Kod PUK (4 hingga 8 angka)**

Kod PUK (Kunci Nyah-Halang Peribadi) diperlukan bagi menukar kod PIN yang terhalang. Kod PUK boleh dibekalkan dengan kad SIM. Jika tidak, hubungi pembekal khidmat setempat anda untuk kod tersebut. Jika anda kehilangan kod, hubungi juga pembekal khidmat anda.


### **Kod PUK2 (4 hingga 8 angka)**

Kod PUK2, dibekalkan dengan sesetengah kad SIM, diperlukan bagi menukar kod PIN2 yang terhalang. Jika anda kehilangan kod, hubungi juga pembekal khidmat anda.

### **Kod sekuriti (4 hingga 8 angka)**

Kod keselamatan melindungi telefon anda daripada digunakan tanpa izin. Ia biasanya dibekalkan dengan telefon. Kod ini diperlukan bagi menghapus semua entri telefon dan untuk mengaktifkan menu "Factory reset" (Tetap semula kilang). Nombor lalai Kod keselamatan ialah "0000". Anda juga boleh menukarnya di dalam menu Keselamatan.









Untuk memilih menu di dalam buku telefon, tekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia dan kemudian tatal ke butiran yang diinginkan.

1	<b>Cari</b>	Membolehkan anda mencari nama, nombor tertentu.
2	<b>Tambah baru</b>	Membolehkan anda menambah nama dan nombor baru.
3	<b>Dail cepat</b>	Membolehkan anda memberi sehingga 8 (2-9) peruntukan dail satu sentuhan.
4	<b>Senarai suara</b>	Membolehkan anda menyenaraikan nombor-nombor telefon yang dikaitkan kepada suara.
5	<b>Kump.pemanggil</b>	Membolehkan anda memaparkan senarai kumpulan.
6	<b>Salin semua</b>	Membolehkan anda menyalin entri-entri dari memori Telefon kepada kad SIM atau dari kad SIM kepada memori Telefon.
7	<b>Padam semua</b>	Membolehkan anda memadam semua data di dalam sama ada buku telefon anda atau kad SIM ke memori telefon.
8	<b>Aturan</b>	Membolehkan anda menetapkan memori dan mencari butiran melalui Variable, nama dan nombor.
9	<b>Maklumat</b>	Membolehkan anda memeriksa status memori, SDN (Nombor Dail Khidmat), dan Nombor sendiri.

## Cari [Nama 1]









(Memanggil dari buku telefon)

1. Buka buku telefon dahulu dengan menekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. **Cari** dengan Menekan  [Pilih] untuk memasuki.
3. Bergantung kepada tetapan **Cari**, menu di bawah mungkin tidak muncul.
  - **Nama**
  - **Nombor**
4. Anda boleh mencari sesuatu entri melalui nama dan nombor.
5. Pilih  [Cari].
6. Anda boleh memeriksa nama dan nombor dengan menekan  [Senarai].
7. Jika anda mahu mengedit, memadam, menyalin sesuatu entri, atau menambah suara kepada satu entri, pilih  [Pilihan]. Menu di bawah akan dipaparkan.
  - **Edit** : Anda boleh mengedit nama, nombor, E-mel, dan faks dengan menekan  [Okay].
  - **Padam** : Anda boleh memadam sesuatu entri.
  - **Salin** : Anda boleh menyalin sesuatu entri dari SIM ke telefon atau dari telefon ke SIM.
  - **Panggil** : Anda boleh memanggil menerusi entri yang dipilih.
  - **Suara** : Anda boleh menambah suara kepada entri atau menukar tag suara.
  - **Nombor utama** : Anda boleh memilih satu dari nombor telefon bimbit, rumah, pejabat yang selalu anda gunakan. Nombor utama akan dipaparkan dahulu, jika anda menetapkan ini.

## **Tambah baru [Nama 2]**

Anda boleh menambah kemasukan buku telefon dengan menggunakan fungsi ini. Muatan memori telefon ialah 200 kemasukan. Muatan memori kad SIM bergantung kepada pembekal khidmat selular.

Anda boleh menyimpan 20 perkataan bagi nama di dalam memori Telefon, dan anda boleh menyimpan perkataan-perkataan di dalam kad SIM. Bilangan perkataan ciri yang bergantung kepada SIM.

1. Buka buku telefon dahulu dengan menekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. Gerakan untuk menyerlahkan **Tambah baru**, dan tekan  [Pilih] untuk memasuki.
3. Pilih memori yang ingin anda simpan: **SIM** atau **Fon**.
  - **SIM** : Anda boleh menambah nama dan nombor untuk kemasukan.
    - a. Tulis nama untuk ditambahkan.
    - b. Tekan  [Okay], kemudian anda boleh memasukkan nombor.
    - c. Tekan  [Okay].
    - d. Jika anda mahu menambah suara, tekan  [Ya].
  - **Fon** : Anda boleh menambah nama, nombor telefon bimbit, rumah, pejabat, no. Faks, dan alamat E-mel.
    - a. Tulis nama untuk ditambahkan.
    - b. Tekan  [Okay].
    - c. Masukkan nombor-nombor yang berikut sebagai bimbit, rumah, pejabat, dan faks dengan menekan  [Okay]. Anda juga boleh memasukkan alamat E-mel.
    - d. Jika anda mahu menambah Suara, tekan  [Ya].



Anda harus menyebut perkataan dalam masa 2 saat, dan telefon akan meminta anda menyebutnya lagi bagi memastikan ketepatan pengenalan suara. Selepas pengenalan suara selesai, Suara ditambahkan secara automatik.

## ● Perhatian





- Suara hanya boleh ditambahkan kepada nombor utama yang anda tetapkan. Sebagai contoh, jika anda menukar nobor utama suara akan ditambahkan secara automatik kepada nombor yang diubah.
- Anda boleh menambah tag suara kepada nombor telefon di dalam kad SIM. Tag suara boleh dipadam dengan menanggalkan atau menukar kad SIM. Dan tag suara yang ditambahkan kepada nombor telefon di dalam kad SIM boleh ditambahkan kepada nombor telefon lain apabila anda menukar kad SIM. Mengapa? Jawapannya ialah kad SIM tidak mengandungi maklumat mengenai tag suara.

## Dail cepat [Nama 3]

Anda boleh mengaitkan sebarang kekunci 2 hingga 9 dengan entri senarai Nama. Anda boleh memanggil langsung dengan menekan kekunci ini selama 2-3 saat.

1. Buka buku telefon dahulu dengan menekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. Tatal ke **Dail cepat**, kemudian tekan  [Pilih] untuk memasuki menu ini.
3. Setiap Dail cepat akan dipaparkan.
4. Jika anda mahu manambah Dail cepat, pilih <Kosong>. Kemudian, anda boleh cari nama di dalam buku telefon.
5. Jika anda memilih nama yang diperuntukkan dengan dail cepat, anda boleh melihat submenu-submenu berikut.
  - **Tukar** : Anda bolen menukar peruntukan **Dail cepat**.
  - **Tak cepat**: Anda boleh memadam nombor dail cepat yang **dail** diperuntukkan.




## Senarai suara [Nama 4]

Anda boleh melihat semua nombor telefon yang mengandungi suara. Anda juga boleh memanggil langsung dengan menekan  [Hantar]. Selepas memilih nombor telefon dengan menggunakan  dan  dan tekan  [Pilihan], anda boleh melihat submenu-submenu berikut.

- **Main** : Anda boleh memainkan suara yang ditambahkan kepada nombor telefon.
- **Tukar** : Anda boleh menukar suara yang ditambahkan kepada nombor telefon.
- **Padam** : Anda boleh memadam suara yang ditambahkan kepada nombor telefon.
- **Panggil** : Anda boleh memanggil dengan memilih menu ini.

## Kump. pemanggil [Nama 5]


Anda boleh menyenaraikan sehingga 20 ahli bagi satu kumpulan. Terdapat 7 kumpulan yang boleh anda buat senarai.

1. Tekan  [Nama] untuk memasuki buku telefon dalam mod tunggu sedia.
2. Tatal ke butiran **Kump. pemanggil** kemudian tekan  [Pilih] untuk memasuki menu ini.
3. Setiap senarai Kumpulan akan dipaparkan : **Keluarga, Kawan-Kawan, Rakan Sekerja, VIP.**
4. Pilih nama Kumpulan yang ingin anda urus dengan menekan  [Pilih].
5. Submenu-submenu berikut akan dipaparkan.

- **Tambah ahli**

Anda boleh menambah nombor di dalam Kumpulan pemanggil.

- **Lihat ahli**

- Anda boleh melihat senarai nombor di dalam Kumpulan pemanggil.
- Anda boleh memilih anggota yang anda mahu dengan menekan  [Pilihan] kemudian anda boleh mengupayakan submenu seperti **Edit, Padam.**

- **Nada deringan kumpulan**

- Anda boleh menetapkan nada dering bergantung kepada Kumpulan.



- **Ikon kump.**
  - Anda boleh menetapkan ikon bergantung kepada Kumpulan.
- **Tukar nama**
  - Anda boleh menukar dan mengedit nama Kumpulan.

### ● Perhatian

- Menu "**Tukar nama**" ini akan dipaparkan hanya apabila anda memilih "**Kosong**".





## Salin semua [Nama 6]

Anda boleh menyalin/memindahkan entri dari memori Kad SIM ke memori Telefon atau dari memori Telefon ke memori Kad SIM.

1. Buka buku telefon dahulu dengan menekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. Tatal untuk **Salin semua**, kemudian tekan  [Pilih] untuk memasuki menu ini.
3. Submenu-submenu di bawah akan dipaparkan.
  - **SIM kepada Fon**: Anda boleh menyalin entri dari Kad SIM ke memori Telefon.
  - **Fon kepada SIM**: Anda boleh menyalin entri dari memori Telefon ke Kad SIM.



## Padam semua [Nama 7]

Andana boleh memadam semua entri di dalam **SIM**, **Fon**, dan **Suara**. Fungsi ini memerlukan kod Keselamatan.


1. Tekan  [Nama] untuk memasuki buku telefon dalam mod tunggu sedia.
2. Tatal ke **Padam semua**, kemudian tekan  [Pilih].
3. Kemudian pilih memori untuk dipadam: **SIM**, **Telefon**, **Suara**.
4. Dan kemudian anda akan diminta memasukkan kod Keselamatan.
5. Tekan  [Okay] atau, tekan  [Kembali] untuk membatalkan.

## Aturan [Nama 8]


Anda boleh menetapkan memori yang lebih digemari yang termasuk **Variable**, **SIM** atau **Telefon** dan carian yang lebih digemari yang termasuk **Variable**, **Nama** dan **Nombor**.

1. Buka buku telefon dahulu dengan menekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. Tatal ke **Aturan**, kemudian tekan  [Pilih] untuk memasuki.
3. Submenu-submenu di bawah akan dipaparkan.

### • Set Memori

1. Tatal untuk menyerlahkan **Set Memori**, kemudian tekan  [Pilih] untuk memasuki.
2. Ketiga-tiga submenu dipaparkan.
  - Jika anda memilih **berbagai**, apabila menambah entri, telefon akan bertanya di mana untuk menyimpannya.
  - Jika anda memilih **SIM**, apabila menambah entri, tanpa bertanya di mana untuk menyimpannya, telefon akan menyimpan entri ke SIM.
  - Jika anda memilih **Fon**, apabila menambah entri, tanpa bertanya di mana untuk menyimpannya, telefon akan menyimpan entri ke memori Telefon.






### • Cari dengan

1. Tatal untuk menyerlahkan **Cari, dengan** kemudian tekan  [Pilih] untuk memasuki.
2. Ketiga-tiga submenu dipaparkan.
  - Jika anda memilih **berbagai**, apabila mencari, telefon akan bertanya bagaimana untuk mencari.
  - Jika anda memilih **Nama**, apabila mencari, tanpa bertanya bagaimana untuk mencari, telefon akan mencari entri melalui nama.
  - Jika anda memilih **Nombor**, apabila mencari, tanpa bertanya bagaimana untuk mencari, telefon akan mencari entri melalui nombor.


## Maklumat [Nama 9]

### SDN (No. dail diservis)




Gunakan fungsi ini untuk mengakses senarai tertentu bagi khidmat-khidmat yang disediakan oleh operator rangkaian anda (jika disokong oleh kad SIM).

1. Buka buku telefon dahulu dengan menekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. Gerak ke servis dail nombor, kemudian tekan  [Okay] untuk memasuki.
3. Nama-nama khidmat yang terdapat akan dipaparkan.
4. Gunakan  dan  untuk memilih khidmat. Tekan  [Hantar].

### Periksa memori



Ciri ini membolehkan anda melihat berapa banyak memori bebas dan sedang digunakan di dalam buku telefon anda.

1. Buka buku telefon dahulu dengan menekan  [Nama] dalam mod tunggu sedia. Pilih **Maklumat** dengan menekan  [Pilih].
2. Gerak ke **Periksa memori**, kemudian tekan  [Okay] untuk memasuki menu ini.

### Senarai no.sendiri (Bergantung kepada SIM)

Anda boleh memeriksa nombor anda sendiri di dalam kad SIM.



## 1 Mesej

- 1 Tulis mesej  
Hantar  
Simpan  
Gunakan templat  
Gunakan kad nama  
Tambah kamus  
Senarai kamus
- 2 Peti masuk  
Padam  
Edit  
Kehadapan  
Dapatkan nombor  
Jawab  
Balas panggilan
- 3 Peti Keluar  
Padam  
Edit  
Kehadapan  
Dapatkan nombor
- 4 Servis maklumat  
1 Baca  
2 Terima CB  
3 Awas  
4 Bahasa  
5 Topik
- 5 Mesej suara  
1 Dengar dari mesej suara  
2 Peti mail suara nombor
- 6 Kad nama
- 7 Templat

## 8 Aturan

- 1 Jenis mesej
- 2 Tempoh sah
- 3 Laporan Status
- 4 Bayar utk balas
- 5 Pusat SMS
- 9 Periksa memori



## 2 Daftar panggilan

- 1 Panggilan terlepas
- 2 Panggilan masuk
- 3 Panggilan keluar
- 4 Padam panggilan terkini
- 5 Panggilan di caj  
1 Tempoh panggilan  
2 Kos panggilan  
3 Aturan kos



## 3 Profil

- 1 Getaran shj
- 2 Senyap
- 3 Am
- 4 Kuat
- 5 Set Kepala
- 6 Kereta



## 4 Aturan

- 1 Jam loceng  
1 Boleh  
2 Tak boleh
- 2 Tarikh & masa  
1 Data  
2 Masa
- 3 Aturan telefon  
1 Pamer  
2 Bahasa
- 4 Aturan panggilan  
1 Pengawas minit  
2 Mana-mana ke kunci jawab  
3 Hantar nombor  
4 Panggilan menu  
5 Redail Auto  
6 Pilih rangkaian  
7 Panggilan Kemu
- 5 Aturan sekuriti  
1 kod PIN  
2 Kunci telefon  
3 Automatik Pad Kekunci  
4 Sekat panggilan  
5 Nombor panggilan  
6 Tukar kod
- 6 Aturan jaringan  
1 Auto  
2 Manual  
3 Yang disukai  
4 Kegunaan peng
- 7 Kembalikan aturan kilang



## 5 Alih panggilan

- 1 Semua panggilan
- 2 Jika sibuk
- 3 Jika tak jawab
- 4 Jika tak sampai
- 5 Semua panggilan
- 6 Semua panggilan faks
- 7 Batal semua pe



## 6 Penvelenggara

- 1 Tambah baru
  - 1 Jadual
  - 2 Memo
- 2 Lihat hari
- 3 Lihat semua
- 4 Padam terakhir
- 5 Padam semua



## 7 Mainan & Utiliti

- 1 Permainan
- 2 Ubah unit
- 3 Kalkulator
- 4 Masa dunia




## 8 Internet

- 1 Rumah
- 2 Penanda
- 3 Profil
- 4 Pergi ke URL
- 5 Aturan Cache
  - 1 Kosongkan cache
  - 2 Cache periksa
- 6 Kawalan puas
- 7 Reset profil



## 9 CanalAmena

This menu depends on SIM and the network services.



Menu ini termasuk fungsi-fungsi yang berkaitan dengan SMS (Short Message Service, Khidmat Mesej Ringkas), mel suara, serta mesej-mesej khidmat rangkaian.

### **Tulis mesej [Menu 1-1]**

Anda boleh menulis dan mengedit mesej teks sehingga 1024 aksara. Anda juga boleh memeriksa bilangan aksara.

1. Masuki menu **Tulis mesej** dengan menekan [Pilih].
2. Jika Anda mahu menulis mesej baru, pilih **Tulis mesej** di dalam menu.
3. Masukkan mesej dengan menggunakan teks eZi. Untuk perincian, lihat Teks eZi (Halaman 33).
4. Apabila anda selesai menulis mesej anda, tekan [Pilihan]. Menu pilihan berikut akan dipaparkan.



### **Hantar**

Menghantar mesej teks.

1. Jika anda mahu menghantar mesej teks, masukkan nombor yang anda mahu.
2. Telefon anda meminta anda memasukkan nombor untuk menghantar mesej tersebut
3. Selepas menghantarnya, telefon anda bertanya sama ada anda akan menyimpan mesej yang telah diedit.
4. Tekan jika anda mahu menyimpannya di dalam **Peti Keluar** dan tekan jika anda tidak mahu.

### Simpan

Menyimpan mesej di dalam Peti Keluar.

1. Telefon anda bertanya sama ada anda akan menyimpan mesej yang telah diedit.
2. Tekan  jika anda mahu menyimpannya di dalam Peti keluar dan tekan  jika anda tidak mahu.

### Gunakan templat



Templat ialah mesej yang telah dipraktakrif. Anda boleh menambah templat senarai kepada mesej apabila anda mengeditnya.

### Gunakan kad nama

Butiran-butiran kad nama ialah nama, nombor telefon bimbit, pejabat, faks, dan e-mel. Anda boleh menambah kad nama kepada mesej.




### Tambah kamus

Jika anda menambah perkataan yang selalu anda gunakan, anda boleh memasukkannya dengan menekan kekunci sekali untuk setiap aksara.

1. Masuki menu.
2. Tatal untuk menyerlahkan **Tambah kamus mudah**, dan kemudian tekan  [Pilih].
3. Masukkan perkataan, dan kemudian tekan  [Tambah].


### Senarai kamus

Anda boleh melihat senarai perkataan-perkataan yang telah anda simpan di dalam kamus.

1. Masuki menu.
2. Tatal untuk menyerlahkan List dictionary, dan kemudian tekan  [Pilih].
3. Anda boleh memeriksa senarai perkataan.
4. Jika anda mahu memadam perkataan, tekan  [Padam].
5. Jika anda mahu memadam semua perkataan di dalam senarai, pilih Padam semua di bawah senarai dengan menekan  [Pilih].

## eZi-Text


Teks eZi membolehkan anda menaip dengan mudah dan cepat. Jika anda hanya menekan kekunci yang ditandakan dengan aksara pada pad kekunci, anda boleh mendapatkan aksara yang anda mahu. Ia sangat berguna untuk membuat perkataan dan ayat.

Jika anda menekan kekunci  selama beberapa saat, anda boleh menukar jenis bahasa. Telefon juga menyokong empat **mod: Mod eZi, Mod Angka, Mod Hurut besar, dan Kecil** Jika anda mahu memukar mod, tekan kekunci .

### • Bagaimana menggunakan mod eZi

Untuk memasukkan aksara dalam mod eZi, anda hanya tekan setiap kekunci sekali untuk aksara yang anda mahu.

Sebagai contoh, untuk menulis **Girl** dalam mode eZi;



### • Bagaimana menggunakan dalam mod Angka



Untuk memasukkan nombor dalam mod Angka, anda tekan kekunci nombor yang dipaparkan pada pad kekunci.

### • Bagaimana menggunakan dalam mod Huruf besar



Untuk memasukkan huruf Besar, anda tekan aksara yang dipaparkan pada pad kekunci.

### • Bagaimana menggunakan dalam mod huruf Kecil






Untuk memasukkan huruf Kecil, anda tekan kekunci aksara yang dipaparkan pada pad kekunci.

### ● Perhatian

- Jika anda mahu memasukkan aksara simbol, tekan kekunci  dalam setiap mod.

## Peti masuk [Menu 1-2]

Apabila anda menerima mesej teks, telefon anda menunjukkan simbol dan menyimpannya di dalam senarai mesej masuk. Tatal ke mesej yang diinginkan dengan menggunakan  ,  . Sebagai tambahan, anda boleh melihat Padam semua untuk memadam semua mesej masuk di bawah senarai. Semasa membaca mesej, tekan  [Pilihan] untuk mengakses pilihan-pilihan yang terdapat.

## Padam

Mesej yang terpilih dipadam.

## Edit

Anda boleh mengedit mesej masuk dan menghantar atau menyimpan mesej yang telah diedit.

## Kehadapan

Anda boleh menghantar lanjut mesej terpilih kepada pihak yang satu lagi.

## Dapatkan nombor

Jika mesej yang terpilih mempunyai nombor telefon, anda boleh mengambil dan menyimpannya di dalam buku telefon. Anda juga boleh memanggil melalui nombor ini.






## Jawab

Anda boleh menjawab penghantar melalui mesej.

## Balas panggilan

Anda boleh memanggil balik penghantar yang menghantar mesej secara automatik.

## Peti Keluar [Menu 1-3]

Apabila anda memasuki menu ini, anda boleh melihat senarai panggilan keluar. Tatal ke mesej yang diinginkan dengan menggunakan  ,  dan tekan  untuk melihat mesej. Dan jika anda mahu keluar dari menu **Peti Keluar**, tekan . Dan jika anda mahu keluar dari menu outbox, tekan . Sebagai tambahan, anda boleh melihat **Padam semua** untuk memadam semua mesej keluar di bawah senarai.

Semasa membaca mesej, tekan  [Pilihan] untuk mengakses submenu-submenu berikut.

## Padam

Mesej yang terpilih dipadam.

## Edit

Anda boleh mengedit mesej keluar dan menghantar atau menyimpannya.

## Kehadapan

Anda boleh menghantar lanjut mesej yang terpilih kepada pihak yang satu lagi.

## Dapatkan nombor




Jika mesej yang terpilih mempunyai nombor telefon, anda boleh mengambil dan menyimpannya di dalam buku telefon. Anda juga boleh memanggil melalui nombor ini.

### Servis maklumat [Menu 1-4]

#### (Bergantung kepada rangkaian dan langganan)

Mesej-mesej Siaran Sel (Mesej CB) adalah mesej-mesej teks oleh rangkaian kepada pengguna telefon GSM. Ia memberi maklumat umum seperti laporan cuaca, berita lalu lintas, teksi, farmasi, dan harga saham. Setiap jenis maklumat mempunyai nombor; oleh itu, anda boleh menghubungi pembekal khidmat. Apabila anda menerima mesej CB, anda boleh membacanya mengikut urutan ini:

#### Baca [Menu 1-4-1]

1. Apabila anda menerima mesej CB, ia akan dipaparkan pada skrin. Anda boleh membaca mesej dengan menatal  ,  .
2. Selepas membaca mesej, tekan  untuk kembali ke mod tunggu sedia. Sebagai tambahan, anda boleh menyimpannya sehingga satu lagi mesej sampai.

#### Terima CB [Menu 1-4-2]

- **Ya**

Jika anda memilih menu ini, telefon anda akan menerima mesej Siaran Sel.

- **Tidak**

Jika anda memilih menu ini, telefon anda tidak akan menerima mesej Siaran Sel lagi.

#### Awas [Menu 1-4-3]

- **Ya**


Jika anda memilih menu ini, telefon anda akan berbunyi bip apabila mesej Siaran sel diterima.

- **Tidak**

Jika anda memilih menu ini, telefon anda tidak akan berbunyi bip walaupun apabila mesej Siaran sel diterima.

### **Bahasa [Menu 1-4-4]**

Anda boleh memilih bahasa yang anda mahu. Setelah itu telefon anda akan menerima mesej siaran sel dalam bahasa yang anda pilih.


Anda boleh memilih bahasa siaran sel dengan menekan  [Pilih]. Senarai bahasa yang anda pilih akan dipaparkan dengan kotak yang bertanda semak.

### **Topik (Bergantung kepada rangkaian dan langganan) [Menu 1-4-5]**

#### **• Tambah [Menu 1-4-5-1]**

Jika anda memilih menu ini, anda akan menambah kategori mesej CB dengan nama gelarnya.

#### **• Lihat senari [Menu 1-4-5-2]**

Jika anda memilih menu ini, anda boleh melihat kategori mesej CB yang telah anda tambahkan. Jika anda menekan  [Pilihan], anda boleh mengedit dan memadam kategori mesej CB yang telah anda tambahkan.

#### **• Senari aktif [Menu 1-4-5-3]**

Anda boleh memilih kategori mesej CB di dalam senarai aktif dengan menekan  [Pilih].

### **Mesej suara [Menu 1-5]**


Anda boleh mendengar mesej suara anda dan mendapatkan nombor pusat mel suara anda.

#### **Dengar dari mesej suara [Menu 1-5-1]**

Anda boleh memanggil pusat mel suara jika anda mahu mendengar mesej suara anda.

### **Peti mail suara nombor [Menu 1-5-2]**

Anda boleh mendapatkan mel suara jika ciri ini disokong oleh pembekal khidmat rangkaian. Apabila mel suara baru tiba, simbol akan dipaparkan pada skrin. Sila periksa dengan pembekal khidmat rangkaian anda untuk perincian mengenai khidmat mereka untuk menatarajah telefon seperlunya.

1. Tekan kekunci  untuk masa yang lama dalam mod tunggu sedia.
2. Anda boleh memeriksa submenu-submenu berikut.

- **Rumah air [Menu 1-5-2-1]**

Nombor yang didail pada rangkaian tanah air untuk mendengarkan mel suara.

- **Roam [Menu 1-5-2-2]**

Nombor yang didail apabila rangkaian-rangkaian lain digunakan untuk mendengarkan mel suara.

### **Kad nama [Menu 1-6]**

Ia adalah untuk mengedit kad nama. Butiran-butiran kad nama ialah nama, nombor telefon bimbit, pejabat, faks, dan e-mel.

- **Edit** : Anda boleh mengedit kad nama.
- **Padam** : Anda boleh memadam kad nama.

### **Templat [Menu 1-7]**

Ini adalah untuk mengedit mesej yang telah dipraktakrif. Anda boleh melihat 11 mesej yang telah dipraktakrif di dalam senarai. Anda boleh menyimpan 6 templat sebelum anda mengedit. Tetapi anda boleh menukarnya. Yang lain adalah <Kosong>.

- **Edit** : Anda boleh mengedit templat.
- **Padam** : Anda boleh memadam templat.

## **Aturan [Menu 1-8]**

### **Jenis mesej [Menu 1-8-1]**

#### **Teks, Suara, Faks, Nutl. paging X.400, E-mel, ERMES**

Biasanya, jenis mesej ditetapkan ke **Teks** Anda boleh menukar teks anda kepada format-format alternatif, yang sesuai untuk peranti yang akan menerima mesej. Hubungi pembekal khidmat anda untuk ketersediaan fungsi ini.

### **Tempoh sah [Menu 1-8-2]**

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda menetapkan kepanjangan mesej yang akan disimpan di pusat mesej semasa percubaan dibuat untuk menghantarnya kepada anda.

### **Laporan Status [Menu 1-8-3]**

Jika anda menetapkan **Ya** di dalam menu ini, anda boleh memeriksa sama ada mesej anda berjaya dihantar atau tidak.

### **Bayar utk balas [Menu 1-8-4]**


Apabila mesej dihantar, ia membolehkan orang yang mendapat mesej daripada anda menjawab dan mengecaj kos jawapannya ke bil telefon anda.

### **Pusat SMS [Menu 1-8-5]**

Jika anda mahu menghantar mesej teks, anda boleh mendapatkan alamat pusat SMS melalui menu ini.

## **Periksa memori [Menu 1-9]**

Jika anda memilih menu ini, telefon memaparkan memori yang digunakan dan jumlah bilangan memori. Jumlah memori ialah jumlah memori SIM dan memori Telefon.



<Tekan sekali>



### Panggilan terlepas [Menu 2-1]

Menu ini menunjukkan nombor-nombor terbaru yang tidak dijawab. Anda boleh memanggil melalui nombor ini, juga menyimpan dan melihat tarikh dan masa panggilan di dalam menu ini.

### Panggilan masuk [Menu 2-2]







Anda boleh memeriksa nombor-nombor yang terbaru anda terima. Anda boleh memanggil melalui nombor ini, menyimpannya dan melihat tarikh dan masanya dalam menu ini.

### Panggilan keluar [Menu 2-3]

Anda boleh memeriksa nombor-nombor yang terbaru didail. Anda boleh memanggil melalui nombor ini, menyimpannya dan melihat tarikh dan masanya dalam menu ini.

### Padam panggilan terkini [Menu 2-4]

Anda boleh memadam semua rekod panggilan.






1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan  dan  untuk memasuki **Log panggilan**.
3. Tatal untuk menyerlahkan **Padam panggilan terkini** dan tekan  [Pilih] untuk memasuki.
4. Empat submenu berikut : Panggilan yang tidak dijawab, Panggilan yang diterima, Panggilan yang didail, Semua panggilan.
5. Mesej **Padam Semua** akan dipaparkan dan kemudian tekan  [Ya].

## **Panggilan di caj [Menu 2-5]**

Dalam submenu-submenu ini, anda boleh melihat tempoh dan kos panggilan.

### **Tempoh panggilan [Menu 2-5-1]**






Fungsi ini membolehkan anda melihat tempoh Panggilan Terakhir, Semua Panggilan, Panggilan Masuk dan Panggilan Keluar anda dalam kiraan jam, minit dan saat. Anda juga boleh melaras semula pengira masa panggilan.

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan  dan  untuk memasuki **Daftar panggilan**.
3. Tatal untuk memnyerlahkan Tempoh panggilan dan tekan  [Pilih].

5 Submenu berikut : **Panggilan akhir, Semua panggilan, Panggilan masu, Panggilan kelua, Reset semua.**

### **Kos panggilan [Menu 2-5-2]**

Fungsi ini membolehkan anda memeriksa kos panggilan terakhir anda, semua panggilan, yang tinggal dan menetap semula kos. Untuk menetap semula kos, anda perlukan kod PIN2

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan  dan  untuk memasuki **Daftar panggilan**.
3. Tatal untuk menterlahkan Kos panggilan dan tekan  [Pilih] unek memasuki.

Submenu berikut: **Panggilan akhir, Semua panggilan, Peringatan, Reset semua.**






#### **● Perhatian**

- Kos panggilan yang sebenar mungkin berbeza bergantung kepada ciri-ciri rangkaian, bil, dan cukai.

### Aturan kos [Menu 2-5-3] [Bergantung kepada SIM]






#### • Set tarif [Menu 2-5-3-1]

Anda boleh menetapkan jenis mata wang dan harga unit. Hubungi pembekal-pembekal khidmat anda untuk mendapatkan harga –harga unit mengecaj. Untuk memilih mata wang atau unit di dalam menu ini, anda perlukan kod PIN2.

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan  dan  untuk memasuki **Daftar panggilan**.
3. Tatal untuk menyerlahkan Aturan dan tekan  [Pilih] untuk memasuki.
4. Pilih **Set tarif**.

#### • Set Kredit [Menu 2-5-3-2]

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda menyekat kos-kos panggilan anda dengan unit-unit mengecaj yang terpilih. Jika anda memilih **Baca**, bilangan unit yang tinggal ditunjukkan. Jika anda memilih **Tukar**, anda boleh menukar had caj anda.






1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan  dan  untuk memasuki **Daftar panggilan**.
3. Tatal untuk menyerlahkan **Aturan** dan tekan  [Pilih] untuk memasuki.
4. Pilih **Set Kredit**.

#### ● **Perhatian**

- Apabila semua unit telah digunakan, tiada panggilan yang boleh dibuat kecuali panggilan kecemasan. Bergantung kepada kad SIM, anda memerlukan Kod PIN2 untuk menetapkan had kos panggilan.

- **Auto pamer [Menu 2-5-3-3]**





Khidmat rangkaian membolehkan anda melihat secara automatik kos panggilan terakhir anda. Jika anda memilih **Ya** dalam menu **Tidak pamer**, anda boleh melihat kos terakhir apabila panggilan dilepaskan.

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Telam  untuk akses langsung atau gunakan  dan  untuk memasuki **Daftar panggilan**.
3. Tatal untuk menyerlahkan **Aturan** dan tekan  [Pilih] untuk memasuki.
4. Pilih **Auto pamer**.



<Tekan dua kali>

Di dalam menu ini, anda boleh melaras dan mengkhususkan nada-nada telefon untuk acara-acara, sekitaran dan kumpulan pemanggil yang berbeza. (misalnya, Apabila telefon anda disambungkan kepada kit Bebas tangan, ia akan ditetap secara automatik kepada menu profil Bebas tangan dan apabila telefon anda disambungkan kepada mikorfon Teinga, ia akan ditetap secara automatik kepada menu profil Alat dengar.)

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung atau gunakan  dan  untuk memasuki Profil.

### ● Perhatian

- Sekiranya telefon anda disambungkan kepada Aksesori seperti mikrofon Telinga dan Bebas tangan, anda tidak boleh menupayakan menu Profil secara manual.
- Menu Profil mempunyai submenu "Upayakan" kecuali Alat dengar dan Bebas tangan supaya anda boleh menetap menu Profil pada bila-bila masa kecuali dalam kes di atas.

## Getaran shj [Menu 3-1]

- **Boleh** : Anda boleh melaras profil sebagai Getaran jika anda memerlukan mod getaran.

## Senyap [Menu 3-2]

- **Boleh** : Anda boleh melaras profil sebagai Privet.
- **Tukar** : Anda boleh menukar nilai-nilai submenu-submenu Profil.

### **Am [Menu 3-3]**

- **Boleh** : Anda boleh melaras profil sebagai Kuat jika anda di dalam sekitaran yang bising.
- **Tukar** : Anda boleh menukar nilai-nilai submenu-submenu Profil.

### **Kuat [Menu 3-4]**

- **Boleh** : Anda boleh melaras profil sebagai Perlahan jika anda di tempat yang sunyi.
- **Tukar** : Anda boleh menukar nilai-nilai submenu-submenu Profil.

### **Set kepala [Menu 3-5]**

- **Tukar** : Anda boleh melaras profil sebagai Headset apabila anda memakai alat dengar.
- **Tukar** : Anda boleh menukar nilai-nilai submenu-submenu Profil Audio.

### **Kereta [Menu 3-6]**

- **Tukar** : Anda boleh melaras profil sebagai Car apabila anda mengaktifkan Kit Bebas Tangan.
- **Tukar** : Anda boleh menukar nilai-nilai submenu-submenu Profil Audio.

### **Kumpulan profil submenu [Menu 3-x-x]**

Menu **Profil** mempunyai submenu-submenu seperti yang ditunjukkan di bawah.

#### **Jenis isyarat pangg.Masuk [Menu 3-x-1]**

Membolehkan isyarat bagi panggilan masuk untuk melaras sekitaran.

#### **Jenis deringan [Menu 3-x-2]**

Membolehkan anda menetapkan jenis deringan untuk melaras sekitaran.

#### **Kelantangan deringan [Menu 3-x-3]**

Membolehkan menetapkan kelantangan deringan untuk melaras sekitaran.

### Jenis isyarat [Menu 3-x-4]

Membolehkan isyarat dibunyikan apabila menerima mesej untuk melaras sekitaran. **Bip, Getaran, dan Tiadaisyarat.**

### Saiz utama [Menu 3-x-5]

membolehkan menetap kelantangan pad kekunci untuk melaras sekitaran.

### Jawab auto [Menu 3-x-6]

Membolehkan anda menetap telefon supaya menjawab secara automatik bagi sekitaran melaras.

Sila ambil perhatian bahawa hanya Bebas tangan dan Alat dengar mempunyai submenu ini supaya anda boleh mengaktifkan fungsi ini.

- **Tidak boleh**

Walaupun telefon anda sedang berdering, telefon anda tidak akan menjawab secara automatik.

- **Selepas 5 saat**


Selepas 5 saat telefon anda akan menjawab secara automatik.

- **Selepas 10 saat**

Selepas 10 saat telefon anda akan menjawab secara automatik.

### ● Perhatian



- Jika anda menyambungkan kit Bebas Tangan kepada telefon, anda tidak boleh mengaktifkan getaran yang berkaitan dengan menu isyarat Masuk atau isyarat Mesej. Oleh itu, di dalam menu Car, anda boleh melihat submenu-submenu berikut;
  - **Isyarat masuk** : Berdering, Senyap
  - **Isyarat mesej** : Bip, Tiada isyarat



<Tekan tiga kali>



Anda boleh menetapkan menu-menu berikut untuk kemudahan dan pilihan anda.



1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung untuk memasuki **Aturan**.

### Jam loceng [Menu 4-1]

Anda boleh menetapkan telefon supaya menggera pada masa yang ditentukan di dalam menu ini.




#### **Boleh [Menu 4-1-1]**

Anda boleh menetapkan masa (Jam dan Minit) untuk membunyikan penggera.

1. Masuki menu ini.
2. Pilih Enable dengan menekan  [Pilih], dan kemudian masukkan masa penggeraan yang anda mahu.
3. Tekan  [Okay].
4. Pilih tempoh ulangan: **Sekali, Harian, Mingguan, dan Bulanan**.
5. Jika anda menetapkan penggeraan Tutup kuasa, penggera membunyikan isyarat pada masa yang ditetapkan walaupun telefon telah anda matikan.

#### **Tak boleh [Menu 4-1-2]**

Anda boleh membatalkan penetapan masa penggeraan.



1. Masuki menu.
2. Pilih **Tak boleh** dengan menekan  [Pilih].
3. Mesej **Loceng dibatalkan?** dipaparkan.
4. Jika anda mahu membatalkan, tekan  [Ya]. Jika tidak, tekan  [Tidak].

### Tarikh & masa [Menu 4-2]

#### Data [Menu 4-2-1]

- **Set tarikh**

Di dalam menu ini, anda boleh menetapkan tarikh telefon anda.

1. Masuki menu.
2. Pilih **Set tarikh** dengan menekan  [Pilih].
3. Masukkan nombor yang ingin anda tetapkan tarikhnya.
4. Tekan  [Okay].

- **Format tarikh**

Anda boleh menetapkan **Format tarikh** di dalam menu ini.





#### Masa [Menu 4-2-2]

Telefon mempunyai jamnya sendiri. Di dalam menu ini anda boleh menetapkan masa dan pilih antara format masa 12 jam atau 24 jam.

1. Masuki menu.
2. Tatal untuk menyerlahkan **Masa** dengan menekan  [Pilih].



- **Set masa:**

Anda boleh menetapkan masa telefon anda di dalam menu ini.

1. Pilih **Set masa** dengan menekan  [Pilih].
2. Masukkan nombor yang ingin anda tetapkan masanya.
3. Pilih **AM/PM** yang anda mahu menetapkan format masa dengan menekan kekunci  , .
4. Tekan  [Okay].

- **Format masa:**

Anda boleh memilih **Format masa** antara 12 jam dan 24 jam.

1. Tatal untuk menyerlahkan Time dengan menekan  [Pilih].
2. Pilih 12 jam atau 24 jam yang anda mahu dengan menekan  [Pilih].

## **Aturan telefon [Menu 4-3]**

Anda boleh menetapkan tetapan telefon yang anda mahu. Tatal untuk menyeralhakan menu **Aturan** telefon, dan kemudain tekan  [Pilih].

### **Pamer [Menu 4-3-1]**

- **Profil grafik [Menu 4-3-1-1]**

Jika anda tidak mengaktifkan sebarang fungsi selama 20 saat, gambar akan dipaparkan dalam mod tunggu sedia.

- **Nota pembukaan [Menu 4-3-1-2]**

Menu ini membolehkan anda menetapkan mesej, yang dipaparkan sebentar apabila telefon dihidupkan.


1. Pilih **Aturan-Telefon-Nota-Pembukaan**.

2. Teks anda sendiri boleh dipaparkan. Jika anda memilih butiran ini, telefon anda meminta anda mengedit Message.

- **Lampu belakang [Menu 4-3-1-3]**

Anda boleh menetapkan tempoh pencahayaan yang anda mahu bila-bila saja dengan menekan kekunci : **Tak boleh, 5 saat, 10 saat, dan sentiasa**.


- **LCD kontras [Menu 4-3-1-4]**

Anda boleh menetapkan terangnya LCD yang anda mahu dengan menekan  , .

### **Bahasa [Menu 4-3-2]**

Anda boleh memilih bahasa yang akan dipaparkan pada telefon. Bahasa lalai ialah Jerman.

### Aturan panggilan [Menu 4-4]


Anda boleh menetapkan menu relevan dengan panggilan dengan menekan  [Pilih] di dalam menu Setting.

#### Pengawas minit [Menu 4-4-1]

Jika anda memilih **Ya**, anda boleh memeriksa tempoh panggilan dengan bunyi bip setiap minit semasa panggilan.

#### Mana-mana ke kunci jawab [Menu 4-4-2]

##### • Ya [Menu 4-4-2-1]

Jika anda memilih menu ini, anda boleh menerima panggilan masuk dengan menekan sebarang kekunci kecuali kekunci .

##### • Tidak [Menu 4-4-2-2]

Jika anda memilih menu ini, anda boleh menerima panggilan masuk dengan hanya membuka pelipat.

#### ● Perhatian

##### • Bagaimana menggunakan BEBAS Tangan Mudah Alih.:

Jika anda mahu menggunakan Bebas Tangan Mudah Alih (fon telinga), tekan butang untuk masa yang lama selepas menyisipkan ia pada penyambung semasa panggilan masuk.

#### Hantar nombor [Menu 4-4-3]

(bergantung kepada rangkaian dan langganan)

##### • Ya [Menu 4-4-3-1]

Jika anda memilih menu ini, anda boleh menghantar nombor telefon anda kepada pihak yang satu lagi. Iaitu, nombor telefon anda akan dipaparkan pada telefon penerima.

##### • Tidak [Menu 4-4-3-2]

Jika anda memilih menu ini, anda tidak boleh menghantar nombor telefon anda.

##### • Kesalahan [Menu 4-4-3-3]

Jika anda memilih menu ini, telefon ini akan ditetapkan ke nilai lalai.

## Panggilan menu [Menu 4-4-4] (bergantung kepada rangkaian)

Jika khidmat ini Diupaya, anda boleh menerima panggilan (masuk) yang menunggu.

- **Aktifan [Menu 4-4-4-1]**  
Mengaktifkan khidmat yang sepadan.
- **Boleh [Menu 4-4-4-2]**  
Menyahaktifkan khidmat yang sepadan.
- **Periksa status [Menu 4-4-4-3]**  
Memeriksa Status khidmat.

## Redail Auto [Menu 4-4-5]

- **Ya [Menu 4-4-5-1]**  
Apabila fungsi ini diaktifkan, telefon anda akan membuat sehingga 10 percubaan untuk membuat panggilan selepas menyambung.
- **Tidak [Menu 4-4-5-2]**  
Telefon anda tidak akan membuat sebarang percubaan untuk menyambungkan panggilan selepas ia tidak dapat menyambungkan.

## Pilih rangkaian [Menu 4-4-6] (bergantung kepada rangkaian)

Fasilitas ini hanya digunakan jika **Pilihan rangkaian** disokong oleh Pembekal Khidmat. Dua nombor telefon berasingan didaftarkan untuk telefon. Fungsi ini memberi anda pemilihan nombor telefon yang sedang digunakan. Jika fungsi ini disokong oleh pembekal khidmat anda, menu yang berikut akan dipaparkan.

1. **Baris 1** : Pilih Line 1 sebagai nombor telefon semasa.
2. **Baris 2** : Pilih Line 2 sebagai nombor telefon semasa.

### Panggilan kemu [Memu 4-4-7]

#### (bergantung kepada rangkaian)

Dalam hal Khidmat Pernomboran Tunggal, anda boleh menggunakan telefon dan PC yang tersambung untuk menghantar dan menerima faks, data dan suara. Jika anda memilih mod ini, anda boleh menerima data, faks, atau suara setiap mod. Setelah anda memasuki menu ini, pilihan-pilihan berikut dipaparkan.

- **Suara**

Anda boleh menerima panggilan suara.

- **Data**

Anda boleh menerima panggilan data.

- **Faks**

Anda boleh menerima panggilan faks.






#### ● **Perhatian**

